

PM mulakan lawatan ke Korea Selatan

SEOUL 22 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tiba di Pangkalan Udara Seoul, Seongnam kira-kira pukul 10.10 malam ini bagi memulakan lawatan rasmi tiga hari di Korea Selatan.

Ketibaan beliau disambut oleh Menteri Luar dan Perdagangan republik itu, Ban Ki-moon sebelum diiringi untuk memeriksa kawalan kehormat pada upacara sambutan ringkas di pangkalan tersebut.

Turut menyambut ketibaan Perdana Menteri ialah Duta Malaysia ke Korea Selatan, Datuk M. Santhanaban.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Shafie Mohd. Salleh; Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Mohamed Khaled Nordin; Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Micheal Toyad dan Setiausaha Parlimen Kementerian Luar, Datuk Zainal Abidin Osman turut hadir bersama para pegawai kedutaan di sini.

Upacara sambutan rasmi kunjungan Perdana Menteri akan berlangsung di Cheong Wa Dae atau dikenali sebagai Blue House, yang merupakan istana Presiden Roh Moo-hyun.

Abdullah dijadual mengadakan perbincangan dengan Moo-hyun dan diperkenalkan kepada pembesarpembesar Korea Selatan pada upacara itu.

Esok, Perdana Menteri akan menyampaikan ucapan pada Forum Perniagaan Malaysia-Korea di hadapan peneraju korporat republik itu dan tokoh perniagaan Malaysia yang mengikuti kunjungan rasmi pertama beliau ke Seoul sejak memegang jawatan Perdana Menteri.


Kira-kira 42 tokoh korporat tempatan berprofil tinggi menyertai lawatan rasmi sulung Perdana Menteri ke Seoul.

Antaranya Pengerusi Kumpulan AmBank, Tan Sri Azman Hashim; Pengerusi Eksekutif Halir Mazmin

Berhad, Tan Sri Halim Mohamad; Presiden dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Bhd., Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman serta Presiden Dewan Perdagangan, Perniagaan dan Industri Malaysia, Datuk Seri Abd. Rahman Maidin.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia, Datuk Dr. Mohamed Arif Nun; Pengerusi Kumpulan Berjaya, Tan Sri Vincent Tan dan Pengarah Urusan NAZA Automotive Manufacturing Sdn. Bhd., Tan Sri S.M. Nasimuddin S.M. Amin.

Hadir sama Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Abdul Razak Ramli, Ketua Pegawai Eksekutif MATRADE, Datuk Merlyn Kasimir dan Timbalan Ketua Pengarah MIDA, Datuk R. Karunakaran. — *Utusan*



ABDULLAH Ahmad Badawi disambut oleh Ban Ki-moon sebaik sahaja tiba di Pangkalan Udara Seoul malam tadi dalam lawatan rasmi selama tiga hari ke Korea Selatan. — Gambar Reuters